

SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 24 Mei 2018

Kenyataan Khazanah Nasional mengenai penebusan RCCPS oleh Kementerian Kewangan pada bulan Ogos 2017

Kami merujuk kepada artikel yang diterbitkan oleh Reuters bertajuk “*Former Malaysia government used money raised from Khazanah to pay 1MDB dues – sources*” (Kerajaan Malaysia terdahulu menggunakan wang daripada Khazanah untuk membayar hutang 1MDB – sumber), bertarikh 24 Mei 2017.

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) ingin menjelaskan beberapa fakta berikut:

1. Pada 7 Mac 2011, Khazanah telah menerbitkan Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus Terkumpul (“RCCPS”) berjumlah RM3.0b kepada Kementerian Kewangan (“MOF”). Secara ringkasnya, RCCPS merupakan suntikan modal yang mana MOF, sebagai pemegang saham 100% dalam Khazanah berhak untuk mengambil atau menebus balik pada bila-bila masa.
2. Pada 14 Mac 2014, MOF telah menebus balik RM1.8b daripada RM3.0b yang diterbitkan.
3. Manakala, pada 11 Ogos 2017, MOF telah menebus semula RM1.199b daripada baki RM1.2b RCCPS.
4. Harus dijelaskan bahawa, sebagai pemegang tunggal RCCPS, MOF berhak untuk menebus semula RCCPS pada bila-bila masa.
5. Menerusi penebusan semula RCCPS tersebut, Khazanah, secara sekali gus, telah membayar balik modal pemegang saham kepada MOF.
6. Harus dijelaskan juga bahawa Khazanah tidak berhak untuk menentukan tujuan penggunaan dana tersebut sebaik sahaja RCCPS ditebus semula oleh MOF.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my atau hubungi Mohd Raslan Md Sharif di +603 2034 0000, atau emel di raslan.sbarij@khazanah.com.my.

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan mengurus aset komersial Kerajaan dan melaksanakan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti kuasa, telekomunikasi, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, rekreasi & pelancongan, hartanah, kreatif & media, pendidikan, dan inovasi & teknologi. Beberapa syarikat senarai awam dalam portfolio pelaburan Khazanah termasuk Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila lawati www.khazanah.com.my.